

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Wednesday, 19 October, 2016 11:18 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PPACAS ONLINE: IPRMSA UUM PERSIAPKAN PERSIDANGAN PERHUBUNGAN AWAM UNIVERSITI ASEAN



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia



19 OKTOBER 2016 / 18 MUHARRAM 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

IPRMSA UUM PERSIAPKAN PERSIDANGAN PERHUBUNGAN AWAM UNIVERSITI ASEAN



PPA CAS Online – Dalam rangka persiapan Persidangan Universiti ASEAN untuk Perhubungan Awam dan Komunikasi (APRC 2016) yang akan berlangsung pada 18 sehingga 20 November 2016 bertempat di EDC Hotel & Resorts, Institute of Public Relation Malaysia Student Association, UUM Chapter (IPRMSA-UUM Chapter), mendapat sokongan dan tajaan dari pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa. IPRMSA UUM Chapter berganding bahu dengan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, CAS dan Inasis SME Bank untuk menjayakan persidangan kali ini. Persidangan ini turut disokong oleh Institute of Public Relations Malaysia (IPRM), ASEAN Youth Organisation (AYO) dan Passage to ASEAN (P2A).

APRC 2016 mendapat sambutan yang menggalakkan dimana lebih 150 peserta dari lebih 30 buah universiti ASEAN dan Australia akan mengambil bahagian. Disamping itu beberapa universiti ternama ASEAN juga turut berperanan sebagai rakan penganjur termasuk Deakin University Australia, University of Philippines, Telkom University Indonesia, Mahasarakham University Thailand, Universiti Teknologi MARA dan Svay Rieng University Cambodia. Persidangan ini merangkumi beberapa aktiviti terutamanya pembentangan hasil penyelidikan dan ASEAN Cultural Exchange. Dengan tema APRC 2016 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti: Pemupukan Jaringan Perhubungan Awam dalam Komuniti ASEAN', IPRMSA mendapat tajaan lebih RM25,000 dari Bank Rakyat dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Persidangan ini bertujuan untuk menyediakan platform antarabangsa untuk membincangkan isu-isu yang melibatkan bidang perhubungan awam dan komunikasi dalam kalangan mahasiswa universiti ASEAN. Hasil daripada persidangan ini, dijangka dapat meningkatkan pengetahuan tentang isu-isu komunikasi serantau khususnya di Asia Tenggara.

Untuk maklumat lanjut mengenai APRC 2016, sila hubungi Dr. Syarizan Dalib di talian 016-9501538 atau email syarizan@uum.edu.my.

Sekian, terima kasih.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel: cas-sadc@uum.edu.my
Website: <http://ppacas.uum.edu.my>



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

